



قجابه ستيأوسها كراجان نكري كلنتن
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN
 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
 Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,
 15503 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 609-7481957
 Fax : 609-7443164
 609-7436000
 E-mail : bhgkp@kelantan.gov.my
 TSUK (Pengurusan) : 609-7485566
 KPSU : 609-7484376

Ruj. Kami : SUK.D200(01) 15/1/1 Jld 3 (64)

Bertarikh : 28 Muharram 1441H bersamaan
 28 September 2019M

Ke majlis,

- Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan**
- Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri / Persekutuan**
- Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**
- Semua Ketua Pengurusan Badan Swasta / NGO**

YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan,

ARAHAN PENGIBARAN BENDERA NEGERI DAN PERSEKUTUAN SETENGAH TIANG BERIKUTAN DENGAN KEMANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN ISMAIL PETRA IBNI ALMARHUM SULTAN YAHYA PETRA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra**, yang amat dikasihi telah mangkat pada hari Sabtu, **28 Muharram 1441H bersamaan 28 September 2019M**.
3. Sehubungan dengan itu, sebagai tanda penghormatan kepada Almarhum Baginda, YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan diminta untuk mengibarkan bendera Negeri dan Persekutuan setengah tiang selama **40 hari** bermula daripada tarikh kemangkatan iaitu hari **Sabtu, 28 Muharram 1441H bersamaan 28 September 2019M**.
4. Segala usaha serta kerjasama pihak YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dialu-alukan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

~ RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT~
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' HAJI TENGKI LAZMI BIN TENGKU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

KELANTAN

s.k YB Dato' Kaya Setia, Setiausaha Kerajaan Kelantan

SEGERA

